

Pendapat Anak-Anak Waris berbeza

# Krisis Datuk Kelana sukar diselesaikan

SEREMBAN, Ahad — Krisis perlantikan Datuk Kelana Putra (Undang Luak Sungai Ujong) ke-10 tidak mungkin dapat diselesaikan oleh anak-anak Waris di Darat Luak Sungai Ujong serta Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai Luak itu kerana mereka dikatakan mempunyai pendapat yang berbeza.

Sebaliknya, krisis itu hanya boleh diselesaikan oleh Dewan Keadilan dan Undang Negeri Sembilan selaras dengan kedudukannya selaku badan tertinggi yang bertanggungjawab terhadap urusan pentadbiran adat di Negeri Sembilan.

Sumber-sumber tertinggi adat berkata hari ini, kini wujud dua kumpulan yang berasingan di kalangan anak-anak Waris di Darat iaitu mereka yang 'berpegang teguh' kepada Jural Telaga Undang dan kumpulan kedua yang mendakwa memiliki salinan Terombo Asal Luak Sungai Ujong.

Sehubungan ini, sumber-sumber itu mengulangi pentingnya ditubuhkan sebuah badan penyiasat bebas bagi meneliti kesahihan Jural serta Terombo berkenaan.

"Badan penyiasat bebas

ini hendaklah dianggotai oleh tokoh-tokoh Adat Perpatih dari luar Luak Sungai Ujong yang tidak mempunyai sebarang kepentingan dalam urusan pemilihan Datuk Kelana Putra ke-10 dan seorang pegawai tinggi Kerajaan Negeri Sembilan boleh dilantik menjadi pengerusinya.

"Apabila anak-anak Waris tidak dapat mencapai kebulatan mengenal sesuatu hal menyentuh urusan pentadbiran adat, maka adalah mustahil bagi Datuk-Datuk Lembaga Tiang Balai dapat merumuskan satu keputusan yang adil.

## Mendakwa

"Ini bermakna usaha mencari calon bakal penyandang-pesaka Datuk Kelana Putra ke-10 tidak mungkin berhasil kerana anak-anak Waris gagal mewujudkan konsep 'Waris rapat, Lembaga bulat,' ujar sumber-sumber itu kepada Berita Harian di sini.

Difahamkan kumpulan yang mempertahankan Jural Telaga Undang berpendapat pesaka Datuk Kelana Putra adalah milik Orang Asli manakala satu lagi kumpulan mendakwa ia adalah milik keturunan Bendahara Melaka menerusi Jo-

hor.

Kumpulan yang mempertahankan Jural itu juga berpendapat bahawa hanya anak-anak Waris di Darat yang berasal daripada salah-salah keturunan Balin Berchanggal Besi dan Balin Berderal Besi (Orang Asli) sahaja yang layak menyanggah pesaka Datuk Kelana Putra ke-10.

Manakala kumpulan yang mendakwa memiliki salinan Terombo Asal Luak itu pula turut mempertikaikan kesahihan Jural Telaga Undang, yang mereka dakwa diwujudkan oleh kumpulan anak Waris tertentu yang bertanggungjawab memalsukan Terombo Asal Luak berkenaan.

"Berdasarkan kepada perkiraan ini, hanya dewan sahaja yang mampu menyelesaikan krisis perlantikan Datuk Kelana Putra ke-10 yang sudah berlarutan lebih empat tahun ini kerana konsep 'Waris rapat, Lembaga bulat' sudah lumpuh di Luak Sungai Ujong.

"Sehubungan ini, dewan perlu membincangkan urusan pemilihan Undang baru dengan lebih teliti dalam mesyuaratnya yang dijadual berlangsung pada pertengahan Jun ini," tambah sumber-sumber itu.